



## **LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang, Selangor  
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

### **KENYATAAN AKHBAR**

#### **KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB. EAN YONG HIAN WAH, PENERUSI LPK OLEH GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN CINA PANTAI SELANGOR**

**16 JULAI 2019**

16 Julai 2019: Delegasi yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dato' Lim Kuang Sia, Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Pantai Selangor (*Associated Chinese Chamber of Commerce and Industry of Coastal Selangor*) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK).

YB. Ean Yong Hian Wah, Pengerusi LPK menerima kunjungan hormat ini di Ibu Pejabat LPK bermula pada jam 11.00 pagi. Turut hadir bersama ialah YB. Tony Leong, ADUN Pandamaran. Dalam pertemuan yang berlangsung hampir sejam itu, kedua-dua pihak berkesempatan untuk berbincang tentang perkembangan industri perkapalan dan pelabuhan Malaysia khususnya Pelabuhan Klang dari pelbagai aspek.

Para delegasi amat kagum dengan perkembangan terkini di Pelabuhan Klang dan berterima kasih kepada Pelabuhan Klang kerana dengan adanya perkhidmatan dan fasiliti yang bertaraf antarabangsa, Pelabuhan Klang telah menyediakan prasarana perdagangan yang kondusif kepada para usahawan-usahawan Malaysia khususnya ahli Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Pantai Selangor.

Kedua-dua pihak berpendapat bahawa Pelabuhan Klang bukan sahaja memainkan peranan yang penting kepada pembangunan ekonomi Negara mahupun mempunyai potensi dan tarikan unik kepada para pelancong kerana Bandar Klang merupakan Bandar DiRaja bagi negeri Selangor dan diwartakan sebagai tempat warisan dan sejarah. YB. Ean Yong berkata, Terminal penumpang antarabangsa Pelabuhan Klang – Boustead Cruise Center (BCC) telah berjaya membawa melebihi 500,000 orang penumpang berkunjung ke Malaysia pada tahun 2018.

Di samping itu, YB. Ean Yong juga memaklumkan bahawa LPK telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan operator feri dan pihak berkepentingan di Jeti Penumpang Pelabuhan Selatan mengenai cadangan menaik taraf Jeti untuk menangani isu kesesakan terutamanya menjelang musim perayaan. Jeti Penumpang Pelabuhan Selatan merupakan jeti utama yang digunakan oleh para penduduk untuk berulang alik ke Pulau Ketam di mana Pulau Ketam telah menjadi tempat kunjungan pelancong terbaru sejak kebelakangan ini. Sehubungan dengan itu, LPK bersama-sama dengan kerajaan Negeri Selangor akan bekerjasama merangka rancangan jangka panjang bagi menyelesaikan masalah kesesakan tersebut.



**Disediakan oleh:**

Jabatan Komunikasi Korporat

Lembaga Pelabuhan Kelang

Tel: 03-3168 8211

Email: [commercial@pka.gov.my](mailto:commercial@pka.gov.my)

----- TAMAT -----